RINGGIT

EDISI JUN 2016

RAKAN KEWANGAN ANDA



Panduan Lengkap Untuk Memohon Kad Kredit Di Malaysia



Apa Yang Anda Perlu Tahu Untuk Menjadi Pengguna Kewangan Yang Bijak



Meter Pukal vs Meter Individu

Meneliti Realiti Persaraan Anda

ISSN 2180-3684

GABUNGAN PERSATUAN-PERSATUAN PENGGUNA MALAYSIA


BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Meneliti Realiti Persaraan Anda

Apakah yang terlintas dalam fikiran anda apabila anda memikirkan tentang persaraan? Mungkin ada yang merasakan inilah masanya untuk menjelajah dunia, melakukan apa yang dikehendaki sebebasnya, meluangkan masa dengan insan tersayang atau melakukan sebarang hobi dan minat yang tidak dapat dipenuhi ketika bekerja. Kenyataannya, ramai yang terlepas pandang tentang fakta berikut: Apabila anda bersara, bermakna anda sudah tidak bekerja. Jika anda tidak bekerja, bermakna anda tiada pendapatan. Itulah realitinya.

Namun begitu, masih ramai yang tidak melakukan sebarang persediaan untuk menempuh persaraan mereka kelak. Kajian menunjukkan lebih 80% rakyat Malaysia bimbang sekiranya simpanan mereka tidak mencukupi untuk menghadapi persaraan. Statistik juga menunjukkan bahawa ramai warga emas kini sebenarnya masih tidak mampu untuk bersara[1]. Statistik yang lain menunjukkan bahawa 50% pesara di Malaysia menghabiskan simpanan persaraan mereka hanya dalam tempoh 5 tahun![2] Justeru, adalah penting untuk anda membuat persediaan tentang persaraan bagi mengekalkan gaya hidup semasa apabila bersara kelak. Cuba bayangkan hidup anda tanpa gaji bulanan untuk tempoh tiga bulan? Inikan pula, tempoh persaraan anda yang bukan sekadar 3 bulan. Sekiranya anda masih hidup untuk tempoh 20 tahun selepas bersara, bayangkan pula nasib diri untuk tahun-tahun yang seterusnya!

Kerajaan menyedari bahawa persaraan adalah satu isu sosioekonomi negara, iaitu persaraan telah melanda Malaysia dan sangat kritikal bagi setiap rakyat Malaysia untuk menyimpan lebih bagi keperluan persaraan mereka. Disebabkan itu, Skim Persaraan Swasta (PRS) ditubuhkan untuk simpanan persaraan tambahan, di samping simpanan mandatori sedia ada yang telah diwajibkan, iaitu Kumpulan Wang Simpanan



"Renungk
dapat menjelas

Pekerja (KWSP) yang dicarum oleh kebanyakan rakyat Malaysia. PRS tersedia untuk semua rakyat Malaysia, sama ada kakitangan kerajaan, swasta mahupun yang bekerja sendiri untuk menambah simpanan persaraan mereka di bawah rangka kerja yang dikawal selia. Salah satu manfaat menyimpan dalam PRS ialah kadar simpanan tetap yang berpatutan - untuk permulaan, anda disarankan untuk menyimpan 10% daripada gaji bulanan anda dan mengautomatikkan caruman ini melalui e-perbankan untuk mendisiplinkan anda dalam menyimpan untuk masa depan persaraan anda. Melabur dalam PRS juga mudah - anda boleh memilih jenis pilihan automatik dana PRS yang ditetapkan, iaitu pemilihan dana berasaskan umur.

Sebagai contoh, dana pertumbuhan adalah portfolio pelaburan bagi yang berusia di bawah umur 40 tahun

1 Merujuk kepada Laporan Global HSBC 2015 "The Future of Retirement, A Balancing Act"
2 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)



an, anda bekerja untuk menjana pendapatan supaya kan tuntutan bayaran mengikut gaya hidup semasa."

kerana dana ini dijangka memberikan pulangan lebih tinggi dengan pendedahan risiko yang sepadan. Selain itu, manfaat tambahan yang ditawarkan ialah pelepasan cukai RM3,000 setahun. Sebagai tambahan, Insentif Golongan Muda PRS sebanyak RM500 untuk ahli PRS yang berusia antara 20 tahun hingga 30 tahun. Ciri yang membezakan PRS daripada produk pelaburan lain adalah, wujudnya Pentadbir Pencen Swasta Malaysia (PPA), iaitu badan pentadbir pusat yang bebas, bukan berasaskan keuntungan dan bertujuan untuk melindungi kepentingan ahli-ahlinya.

Renungkan, anda bekerja untuk menjana pendapatan supaya dapat menjelaskan tuntutan bayaran mengikut gaya hidup semasa. Apabila sudah tidak bekerja, adakah anda mempunyai pendapatan gantian untuk persaraan kelak? Sekurang-kurangnya 2/3 (atau 66%) daripada jumlah gaji terakhir diperlukan untuk mengekalkan gaya hidup apabila bersara nanti. Walau bagaimanapun, dalam usaha untuk memiliki 2/3 pendapatan gantian persaraan ini, anda mesti menyimpan 1/3 (atau 33%) daripada gaji anda sekarang. Realiti yang menyedihkan, kebanyakan orang terpaksa menurunkan gaya hidup mereka setelah bersara apabila menyedari mereka tidak mempunyai simpanan persaraan yang mencukupi. Satu pertiga daripada gaji anda mungkin kelihatan sukar, tetapi berita baiknya pula ialah

Sidang Redaksi

Penasihat
YBhg. Prof Datuk Dr. Marimuthu Nadason
Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang
Dato' Paul Selva Raj

Editor
Mohd Yusof bin Abdul Rahman

Sidang Pengarang
Siti Rahayu binti Zakaria
Mandeep Singh
Shabana Naseer Ahmad

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama di antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan. Untuk memuat turun Ringgit dalam format "PDF", sila layari laman sesawang www.fomca.org.my dan www.bnm.gov.my

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia
No. 4, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7876 2009
Faks : 03-7877 1076
E-mel : fomca@fomca.org.my
Sesawang: www.fomca.org.my

Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel :03-2698 8044
Faks : 03-2174 1515

Diurus terbit oleh:
Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)
No. 4, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7875 2392
Faks : 03-7875 5468
E-mel : info@crrc.org.my
Sesawang: www.crrc.org.my

Dicetak oleh:
ڤرچيتقكن اساس جاى (ملىسيا) سندرن برحد
Percetakan Asas Jaya (M) Sdn Bhd
No. 5B, Tingkat 2, Jalan Pipit 2
Bandar Puchong Jaya
47100 Puchong Jaya
Selangor Darul Ehsan

Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.



"Meneliti semula persediaan persaraan memerlukan anda untuk mengubah tingkah laku dalam perbelanjaan dan simpanan"

majoriti rakyat Malaysia yang bekerja sudah mencarum melalui KWSP, iaitu secara purata sebanyak 23% daripada gaji bulanan mereka. Justeru, anda hanya perlu merapatkan jurang 10% sahaja melalui caruman PRS supaya dapat menikmati masa persaraan anda kelak.

Anda tidak perlu menunggu sehingga bersara untuk mengetahui keadaan hidup anda apabila bersara. Cuba perhatikan ibu bapa, saudara-mara atau keluarga rakan yang bersara dan lihat sendiri sama ada mereka benar-benar menikmati masa persaraan mereka dari segi kewangan atau tidak. Barangkali, mereka yang menikmati persaraan adalah mereka yang telah bersedia. Anda perlu memulakan persediaan sekarang kerana perkara ini tidak akan berlaku dengan sendirinya. Jika anda sedar akan kepentingan untuk memulakan simpanan untuk persaraan anda, apakah yang menghalang anda berbuat demikian? Janganlah mengeluarkan alasan seperti: "KWSP sudah mencukupi", "anak-anak boleh menjaga saya setelah bersara", "terlalu banyak pinjaman dan bil untuk diselesaikan", "terlalu awal untuk menyimpan" dan alasan terbaik sepanjang zaman – "Lain kali sajalah!". Selalunya mereka yang memberikan alasan ini tidak akan bersedia untuk bersara selama-lamanya.

Meneliti semula persediaan persaraan memerlukan anda untuk mengubah tingkah laku dalam perbelanjaan dan simpanan. Simpanan merupakan elemen penting dalam mengumpul dana persaraan. Anda perlu memulakannya sekarang bagi memastikan masa dan kuasa pengkompaunan bekerja untuk mengumpul dana persaraan anda. Sentiasa ingat bahawa simpanan yang anda lakukan sekarang adalah untuk perbelanjaan masa depan anda, dan bukanlah satu pengorbanan. Semakin banyak anda menyimpan, maka semakin banyak yang dapat anda belanjakan pada hari kemudian. Cuba terapkan konsep 'bayar diri anda dahulu' sebelum anda membelanjakan keseluruhan gaji bulanan anda. Insentif seperti pelepasan cukai dan Insentif Golongan Muda PRS hanyalah 'bonus' semata-mata, keutamaan harus diberikan untuk membina asas persaraan anda, bukan untuk insentif sahaja. Akhir sekali, lebih baik untuk menyimpan lebih banyak wang daripada menyimpan wang yang kurang.

Sama ada anda suka atau tidak, persaraan tetap akan tiba. Lebih baik anda bersedia daripada menyesal kelak. Bertanya kepada mereka yang telah bersara dan mereka pasti akan menekankan kepentingan menyimpan awal untuk persaraan anda. Mereka tidak mempunyai PRS pada masa itu, tetapi anda berpeluang sekarang. Maka, simpan untuk masa depan anda dengan PRS sekarang sebagai keutamaan untuk diri anda.

Meneliti Realiti Persaraan

- Menyimpan – Elemen penting dalam mengumpul dana persaraan.
- Mulakan sekarang – Jadikan masa dan pertumbuhan kompaun rakan anda.
- Simpanan semasa adalah perbelanjaan masa depan anda.
- Makin banyak anda menyimpan, makin banyak yang boleh anda belanjakan pada hari kemudian.
- Bayar diri anda dahulu, sebelum belanjakan bakinya.
- Insentif sekadar 'bonus', perlu membina asas persaraan.
- Menyimpan terlalu banyak wang adalah lebih baik daripada menyimpan wang yang terlalu sedikit.

Penulis, Dato' Steve Ong merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Pentadbir Pencen Awam Swasta (PPA)

Panduan Lengkap Untuk Memohon Kad Kredit Di Malaysia

Bahagian 2 – Ciri-ciri dan Faedah Kad Kredit



Memilih Kad Kredit Yang Sesuai Untuk Keperluan Anda

Anda mungkin tertanya-tanya, dengan pelbagai kad kredit yang menawarkan faedah berbeza di pasaran, bagaimana untuk memilih kad kredit yang terbaik untuk keperluan anda? Jangan risau, teruskan membaca untuk mengetahui antara **ciri-ciri dan faedah kad kredit yang ditawarkan** di Malaysia untuk membantu anda membuat pilihan yang bijak.

1. Pemindahan Baki

Kemudahan pemindahan baki membolehkan anda untuk menyatukan semua hutang kad kredit anda dengan satu kad kredit. Pemindahan baki membolehkan anda untuk membayar kadar faedah yang jauh lebih rendah untuk semua hutang kad kredit anda. Anda akan dikenakan caj bayaran pemindahan baki untuk baki tertunggak pada semua kad kredit anda. Namun anda boleh menikmati kadar faedah serendah 0% untuk baki hutang kad kredit anda. Ini boleh membantu anda untuk melangsaikan baki hutang kad kredit dengan lebih mudah dan pantas.

Tetapi ingat, anda masih perlu berhati-hati! Anda perlu menyelesaikan hutang anda dalam tempoh masa yang telah ditetapkan oleh pihak bank. Tempoh yang ditetapkan untuk menyelesaikan hutang melalui kemudahan pemindahan baki kebiasaannya ialah 12 bulan hingga 36 bulan. Selain itu, walaupun kebanyakan kad kredit menawarkan kadar faedah serendah 0%, hakikatnya kadar itu hanya untuk tempoh 6 bulan pertama atau setahun, dan bukan untuk seluruh tempoh pemindahan baki tersebut. Oleh itu, pastikan anda sentiasa membaca terma dan syarat supaya anda mengetahui bagaimana kemudahan tersebut berfungsi dan apa yang terlibat.

2. Kad Kredit Tanpa Kadar Faedah

Kini, terdapat banyak kad kredit yang menawarkan kadar faedah 0% di pasaran. Tetapi, pastikan anda membaca terma dan syarat kad-kad tersebut dengan teliti. Saranan ini disebabkan oleh terdapat beberapa kad kredit yang hanya menawarkan 0% kadar faedah untuk tahun pertama, atau anda perlu membelanjakan jumlah wang yang agak banyak sebelum layak menerima 0% kadar faedah tersebut.

3. Faedah *Frequent Flyers*

Kad kredit yang menawarkan faedah ***frequent flyers*** menghadiahkan pelbagai ganjaran untuk urus niaga

berkaitan dengan penerbangan. Ganjaran yang ditawarkan meliputi tiket penerbangan percuma, *air miles*, insurans perjalanan percuma serta akses ke ruang eksklusif di lapangan terbang seluruh dunia. Selain itu, kad ini juga sering menawarkan tawaran membeli belah serta diskaun untuk restoran di merata dunia.

4. Mata Ganjaran, Rebat Tunai dan Diskaun

Kini, banyak kad kredit yang menawarkan kelebihan dalam bentuk mata ganjaran, rebat tunai dan juga diskaun untuk digunakan sewaktu membeli belah dan berhibur. Ini boleh membantu anda untuk berjimat sekiranya kelebihan ini digunakan dengan betul. Tambahan pula, anda juga boleh menikmati rebat tunai dan diskaun dari kedai yang mengambil bahagian dalam program kad kredit tersebut.

5. Keistimewaan Premium

Keistimewaan ini akan ditawarkan kepada pemegang kad kredit eksklusif; kebiasaannya kepada mereka yang mempunyai kad kredit platinum. Di antara keistimewaan premium yang biasanya ditawarkan adalah akses kepada ruang lapangan terbang eksklusif di merata dunia, perkhidmatan perjalanan, kelebihan di restoran, manfaat khidmat kesihatan serta banyak lagi.



6. Ganjaran Petrol

Ganjaran petrol akan membolehkan anda untuk mendapat rebat tunai apabila anda membayar petrol menggunakan kad kredit ini. Anda juga boleh mendapatkan mata ganjaran yang boleh digunakan untuk baucar petrol atau untuk mendapatkan petrol percuma, tetapi ini tertakluk kepada kad kredit ganjaran petrol tertentu. Anda juga perlu membaca terma dan syarat kad kredit tersebut secara teliti, kerana terdapat kad kredit yang akan memberikan ganjaran petrol untuk semua stesen minyak, manakala ada kad kredit yang hanya akan memberi ganjaran petrol untuk stesen minyak yang tertentu sahaja.

7. Kad Kredit Untuk Bayaran Ansuran *(Flexi-pay)*

Flexi-pay merupakan kelebihan yang akan membolehkan anda melakukan pembayaran untuk jumlah yang besar tanpa perlu membawa wang tunai yang banyak. Kemudahan *Flexi-pay* ini akan membolehkan anda untuk membayar ansuran pada kadar faedah rendah ataupun kadar faedah 0%. Kadar faedah yang akan ditawarkan berbeza antara kad kredit. Oleh itu, anda perlu memeriksa dahulu sebelum menggunakan kemudahan ini.

8. Kad Kredit Untuk Pengeluaran Wang Tunai

Anda boleh menggunakan kad kredit anda untuk mengeluarkan wang tunai. Anda hanya perlu ke salah satu mesin ATM bank kad kredit anda untuk tujuan tersebut. Tetapi ingat bahawa terdapat had kepada jumlah wang tunai yang anda boleh keluarkan dengan menggunakan kad kredit anda. Kebiasaannya jumlah had tersebut ialah RM5,000. Namun, kemudahan ini tidak digalakkan kerana bagi setiap pengeluaran wang tunai menggunakan kad kredit, anda akan dikenakan caj untuk kemudahan ini dan juga kadar faedah yang tinggi.

Setelah mengetahui ciri serta faedah yang ditawarkan oleh kad-kad kredit di Malaysia, kini anda boleh melakukan pemilihan kad kredit dengan lebih bijak. Ingat bahawa kad kredit merupakan kemudahan yang boleh membantu anda menjimatkan wang, tetapi hanya jika ia digunakan dengan betul dan bijak!

Sumber: www.comparehero.my

KENALI PERBANKAN ISLAM ANDA
PEMBIAYAAN PERUMAHAN

Pembiayaan perumahan yang ditawarkan perbankan Islam kebiasaannya menggunakan kontrak jual beli (cth: Istisna' & Murabahah) atau kontrak perkongsian (Musyarakah Mutanaqisah) antara pihak bank & pelanggan

Kontrak Jual Beli



Kontrak Perkongsian



6 Ciri-ciri Unik

1. Tiada elemen Riba'.
2. Jumlah bayaran keseluruhan dimaklumkan secara jelas.
3. Caj keuntungan yang dikira berdasarkan kadar terapung *(floating rate)* tidak boleh melebihi kadar maksimum.
4. Bagi kontrak jual beli, rebat diberikan jika pelanggan membuat penyelesaian awal.
5. Konsep penalti berkompaun *(compounding penalty)* tidak terpakai.
6. Sekiranya terdapat caj kelewatan, bank hanya mengambil maksimum 1% bagi menampung kos kerugian dan selebihnya disalurkan kepada badan kebajikan.

Transaksi Tulen
Bukan Sekadar Pinjaman Wang

- Dalam transaksi kontrak jual beli, nilai asal rumah dan jumlah keuntungan yang dicaj pihak bank dinyatakan dengan jelas.
- Bagi transaksi kontrak perkongsian, bank mengenakan caj sewa ke atas bahagian pemiliknya sepanjang tempoh berkontrak.

Siri Seterusnya Akan Membincangkan:

1. Kaedah penyelesaian awal pembiayaan
2. Keingkaran pelanggan & kesannya

Kadar Setanding Dengan Pinjaman Perumahan Konvensional

Sebagai contoh, sila rujuk jadual perbandingan bagi pembiayaan RM500,000 selama 30 tahun:

Bank	Kadar Keuntungan	Bayaran Bulanan
Hong Leong Bank	4.55% (BR + 0.71%)	RM2,548 Save RM452
Hong Leong Islamic Bank	4.55% (BR + 0.71%)	RM2,548 Save RM452
CIMB BANK	4.75% (BR + 0.75%)	RM2,608 Save RM392
CIMB ISLAMIC	4.75% (BR + 0.75%)	RM2,608 Save RM392
Maybank	4.50% (BR + 1.30%)	RM2,533 Save RM467
Maybank Islamic	4.50% (BR + 1.30%)	RM2,533 Save RM467

Source: imoney.my

Apa Yang Anda Perlu Tahu Untuk Menjadi Pengguna Kewangan Yang Bijak




Sudah pasti ramai yang mempunyai wang simpanan di bank, memiliki polisi insurans atau melabur wang dalam produk pelaburan. Namun demikian, adakah anda mengetahui langkah-langkah asas yang boleh membantu anda mengurus kewangan dengan baik? **PIDM *MoneySmart 123*** mengandungi tip-tip yang mudah diikuti, yang boleh membantu anda menjadi pengguna kewangan yang bijak.


Sebagai permulaan, ada baiknya jika anda mengenali apakah itu Perbadanan Insurans Deposit Malaysia atau PIDM dan fungsinya dalam sistem kewangan di Malaysia.

PIDM merupakan pihak berkuasa Kerajaan yang ditubuhkan untuk melindungi pengguna kewangan. PIDM mentadbir Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans yang diwujudkan bagi melindungi pendeposit serta pemilik sijil takaful dan polisi insurans.

Selain daripada melindungi simpanan bank serta manfaat polisi insurans dan sijil takaful anda, PIDM juga berperanan meningkatkan keyakinan dan tahap kesedaran pengguna kewangan terhadap sistem perlindungan pengguna kewangan. Pelbagai program kesedaran awam telah dijalankan untuk mengukuhkan pemahaman mengenai ciri-ciri, manfaat dan had perlindungan Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Sebagai sebahagian daripada inisiatif kesedaran awam, PIDM telah memperkenalkan PIDM *MoneySmart 123.*

PIDM *MoneySmart 123* bertujuan untuk meningkatkan kesedaran pengguna kewangan mengenai pelbagai






produk dan penyedia perkhidmatan kewangan, risiko yang berkaitan dengan setiap produk dan juga hak-hak mereka sebagai pengguna kewangan.

Untuk menjadi pengguna kewangan yang bijak, ikuti 3 langkah mudah PIDM *MoneySmart 123* berikut:

- Langkah 1: Ketahui Produk Kewangan Anda
- Langkah 2: Ketahui Risiko Kewangan Anda
- Langkah 3: Ketahui Hak Kewangan Anda

Langkah 1: Ketahui Produk Kewangan Anda



Sebelum melabur atau menyimpan wang anda dalam mana-mana produk kewangan, anda hendaklah mengetahui jawapan kepada soalan-soalan berikut:

A. Apakah jenis produk?

Terdapat banyak produk kewangan yang berbeza hari ini yang boleh mengelirukan anda. Justeru, adalah penting untuk mengetahui dan memahami produk kewangan utama yang mungkin anda perlukan sepanjang hidup anda – termasuk deposit bank, perlindungan insurans atau takaful, pelan simpanan persaraan dan pelaburan asas, seperti stok dan saham, bon dan dana unit amanah.

Anda perlu memahami terlebih dahulu jenis produk kewangan yang ditawarkan

1. Sentiasa bertanya tentang maklumat terperinci mengenai sesuatu produk kewangan sebelum anda meletakkan atau menyimpan wang anda dalam produk tersebut.
2. Buat rujukan dan baca maklumat mengenai produk tersebut supaya anda boleh membuat keputusan berdasarkan maklumat. Sekiranya ia merupakan produk pelaburan, anda perlu sedar bahawa setiap pelaburan mempunyai tahap risiko sendiri. Oleh itu, anda perlu memahami risiko ini sebelum melabur.
3. Sekiranya anda ragu-ragu, dapatkan penjelasan atau nasihat profesional, atau elakkan produk kewangan yang tidak anda fahami.

Tentukan sama ada sesuatu produk tersebut layak bagi perlindungan pengguna kewangan.

B. Siapakah penyedia perkhidmatan kewangan saya?

Penyedia perkhidmatan yang berlesen dan diberi kuasa

Anda perlu mengetahui sama ada institusi kewangan atau penasihat / perancang kewangan yang menawarkan produk atau perkhidmatan kewangan kepada anda telah dilesenkan oleh pihak berkuasa kawal selia yang berkenaan. Penyedia perkhidmatan kewangan yang mempunyai lesen biasanya mesti mematuhi satu set piawaian asas dan layak untuk menjalankan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan. Oleh yang demikian, anda adalah dinasihatkan agar hanya meletakkan atau menyimpan wang anda dengan entiti atau individu yang berlesen atau diberi kuasa.

Pihak pengawal selia seperti Bank Negara Malaysia *(www.bnm.gov.my)* dan Suruhanjaya Sekuriti *(www.sc.com.my)* mempunyai senarai institusi kewangan berlesen dalam laman sesawang mereka. Senarai ini merupakan sumber yang baik untuk mengesahkan sama ada penyedia perkhidmatan anda adalah berlesen atau diberi kuasa untuk menyediakan produk dan nasihat kewangan yang ditawarkan kepada anda.

Institusi ahli PIDM

Tentukan juga sama ada penyedia perkhidmatan kewangan anda adalah institusi ahli PIDM untuk mengetahui sama ada produk kewangan atau manfaat takaful dan insurans anda layak bagi perlindungan PIDM.

Sila perhatikan tanda keahlian ini untuk mengetahui sama ada bank atau syarikat takaful / insurans anda ialah ahli PIDM.



Nantikan Langkah 2: Ketahui Risiko Kewangan Anda dengan PIDM Moneysmart 123 dalam keluaran bulan hadapan.

Sumber: Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) atau layari laman sesawang www.pidm.gov.my

Ruangan Bersama NCCC

Meter Pukal vs Meter Individu



Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC) sering menerima aduan tentang bacaan meter air yang digunakan oleh pengguna. Oleh itu, untuk penjelasan lanjut, artikel ini menerangkan perbezaan antara meter pukal dan meter individu.

Apakah yang dimaksudkan dengan meter pukal?

Meter pukal ialah meter utama yang digunakan di rumah kediaman bertingkat dan bacaan akan diambil oleh pihak syarikat bekalan air. Cara bacaan meter adalah merujuk kepada penggunaan keseluruhan kediaman bertingkat tersebut.

Bil air akan diserahkan kepada badan pengurusan bangunan (JMB). Seterusnya, JMB akan mengira purata mengikut bilangan unit dan mengutip caj daripada penghuni-penghuni untuk membayar bil air tersebut.

Apakah yang dimaksudkan meter individu?

Setiap unit kediaman bertingkat mempunyai meter individu dan bacaan akan diambil oleh pihak syarikat bekalan air. Bil akan dikeluarkan terus kepada penghuni.

Seterusnya, bil perlu dibayar terus kepada syarikat bekalan air oleh penghuni.

Kelemahan menggunakan meter pukal

Pelbagai kes melibatkan pemotongan air di kediaman bertingkat tinggi akibat tunggakan bil air yang tinggi sehingga berpuluh-puluh ribu. Hal ini menyebabkan penghuni terpaksa mengalami masalah gangguan air dari semasa ke semasa. Faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya perkara seperti ini adalah seperti berikut:

a) Badan Pengurusan (JMB) di bangunan tersebut tidak membayar bil air kepada pihak syarikat bekalan air.

b) Sebahagian penghuni tidak membayar yuran pengurusan bangunan mengikut masa yang ditetapkan, yang akan menyebabkan tunggakan di pihak Badan Pengurusan.

c) Sebahagian penghuni berasa tidak puas hati dengan kadar caj yang tidak adil (selalunya bil dibahagi mengikut unit tanpa mengira bilangan orang yang tinggal dalam unit)

d) Tidak mempunyai badan pengurusan di kediaman bertingkat tinggi

Semua faktor tersebut telah menyebabkan pelbagai isu gangguan air disebabkan oleh tunggakan bil air. Ini adalah tidak adil bagi penghuni yang sering membayar tepat masanya.

Migrasi Meter Pukal kepada Meter Individu

Untuk menyelesaikan masalah ini, pelaksanaan migrasi wajib telah dikuatkuasakan pada 1 Februari 2014, seperti terkandung di dalam Warta Kerajaan Persekutuan, Kaedah-kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air Dan Pemasangan Paip) 2014 oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Menerusi program ini, penghuni di kediaman bertingkat boleh memohon penukaran meter pukal kepada individu dengan JMB atau pengurusan bangunan (MC). JMB / MC perlu menyerahkan permohonan kepada pihak syarikat bekalan air untuk memproses migrasi tersebut.

Migrasi meter pukal kepada meter individu membolehkan penghuni berpeluang untuk menikmati kadar tarif air yang lebih rendah dan juga adil dari segi kadar pembayarannya. Hal ini disebabkan oleh bil air mengikut kegunaan masing-masing berbanding menggunakan meter pukal bagi perumahan bertingkat.

Kerjasama daripada semua pihak, terutamanya penghuni dan pengurusan bangunan, adalah faktor penting dalam proses migrasi tersebut. Selain itu, pihak pengurusan perlu mengemukakan permohonan secepat mungkin sebelum dikenakan tindakan daripada pihak berkuasa.

Sumber: Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC)


Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil

SDRS

SDRS
MENYEDIAKAN

Bantuan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berdaya maju yang menghadapi masalah pembayaran pembiayaan perniagaan dengan institusi kewangan melalui proses penyusunan atau penjadualan semula pembiayaan perniagaan tersebut.

Menyokong PKS berdaya maju yang menghadapi masalah kewangan



- Menstabilkan aliran tunai perniagaan.
- Menyediakan ruang kepada PKS untuk melaksanakan pelan pemulihan perniagaan.

Senario 1



- Peminjam menghadapi masalah aliran tunai perniagaan.
- Mengalami kesukaran untuk memenuhi obligasi kewangan dengan pihak bank.
- Perbincangan dengan pihak bank untuk memulihkan semula pembiayaan sedia ada gagal mencapai jalan penyelesaian.

Senario 2




- Syarikat berjaya mendapat kontrak atau projek daripada Kerajaan/agensi atau syarikat swasta/awam yang bereputasi baik.
- Memerlukan modal kerja tambahan.
- Permohonan kemudahan pembiayaan telah ditolak oleh institusi kewangan kerana syarikat mempunyai masalah pembiayaan tertunggak sedia ada.
- Perlu memulihkan semula perniagaan dan membayar balik pembiayaan.

Siapakah yang Layak Memohon?



1. Syarikat milik warganegara Malaysia (sekurang-kurangnya 51% pegangan saham) dalam semua sektor.
2. Memenuhi kriteria definisi PKS:
   - Jumlah pekerja sepenuh masa tidak melebihi 200 orang; atau
   - Nilai jualan tahunan tidak melebihi RM50 juta.



3. PKS berdaya maju yang menghadapi masalah kewangan berikutan pembiayaan daripada institusi kewangan.
4. Pembiayaan berkaitan dengan perniagaan sahaja.
5. Perniagaan masih beroperasi.

Proses Permohonan

1. Hantarkan borang permohonan SDRS yang lengkap kepada IKP atau BNMLINK / Pejabat Wilayah BNM / Cawangan
2. Sekretariat SDRS BNM akan menghubungi pemohon
3. Penilaian permohonan oleh IKP

Jika permohonan diluluskan oleh IKP	Jika permohonan ditolak oleh IKP
IKP dan peminjam akan melaksanakan terma pinjaman yang baharu	Sekretariat SDRS BNM akan membuat penilaian bebas ke atas permohonan

Bagaimana Untuk Memohon?

Borang permohonan SDRS boleh diperoleh dari:

- Institusi Kewangan Peserta (IKP)
- BNMLINK / Pejabat Wilayah BNM / Cawangan
- Laman sesawang www.smeinfo.com.my

Perkhidmatan yang ditawarkan di bawah SDRS adalah PERCUMA



Institusi Kewangan Peserta (IKP)

- Semua bank perdagangan
- Bank-bank Islam
- Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat)
- Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB)
- Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank)
- Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank)
- Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank)
- Bank Simpanan Nasional (BSN)

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Layari SMEinfo portal
http://www.smeinfo.com.my

Hubungi BNMTELELINK
1-300-88-5465

Faksimili: 03-2174 1515 atau
E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Memperkenalkan siri aplikasi mudah alih baharu Bank Negara Malaysia

Ke arah pengguna kewangan yang lebih bijak



Membuat keputusan kewangan bukannya mudah, sama ada anda pelajar, suri rumah, ahli perniagaan atau pekerja. Dengan aplikasi mudah alih baharu Bank Negara Malaysia ini, anda bukan sahaja boleh mendapatkan perkembangan dan maklumat terkini hal-hal kewangan, tetapi juga menggunakan aplikasi untuk merancang dan menguruskan kewangan anda dengan mudah serta menggunakan hak anda sebagai pengguna kewangan.

MyBNM

Dapatkan maklumat dan pengumuman terkini mengenai hal-hal kewangan di dalam negeri dan peringkat global serta amaran penting kepada pengguna berhubung dengan penipuan kewangan.

BNM MyLINK

Saluran berkesan yang menghubungkan pengguna dengan institusi kewangan di Malaysia untuk mengemukakan pertanyaan, mendapatkan nasihat dan membuat aduan.

MyTabung

Aplikasi pemantau belanjawan untuk merancang dan menguruskan kewangan peribadi anda atau isi rumah secara berhemat untuk mencapai matlamat kewangan.

MyRinggit

Ketahui ciri-ciri keselamatan penting dan teknik untuk membezakan wang kertas Malaysia yang asli dengan yang palsu.

Tunggu apa lagi? Dapatkan dan muat turun siri aplikasi mudah alih Bank Negara Malaysia ini dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris secara PERCUMA.

Download on the App Store

ANDROID APP ON Google play